

## TEKS KHUTBAH GERHANA BULAN

### BULAN: TANDA KEBESARAN ILAHI

08 NOVEMBER 2022/ 13 RABIULAWWAL 1443H(SELASA)

#### KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الْقَائِل:

فَإِذَا بَرِقَ الْبَصَرُ<sup>٧</sup>      وَخَسَفَ الْقَمَرُ<sup>٨</sup>      وَجُمِعَ الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ<sup>٩</sup>

Maksudnya: Maka (Apabila hari kiamat datang) apabila pemandangan menjadi tercengang (kerana gerun takut), Dan bulan hilang cahayanya, Dan matahari serta bulan dihimpunkan Bersama (Surah al Qiyamah:7-9)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَ أَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

أَمَّا بَعْدُ:

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَ إِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah s.w.t dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Mudah-mudahan kita sentiasa

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat Nabi s.a.w


<sup>3</sup> Pesanan takwa

berada dalam rahmat dan keredaan Allah s.w.t di dunia mahupun di akhirat. Di saat gerhana bulan yang sedang berlaku, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

### “BULAN:TANDA KEBESARAN ILAHI”

Sidang Jemaah Yang Dimuliakan,

Bermula jam empat dua minit (04:02) petang tadi bermulalah fasa penumbra gerhana bulan. Bayang bumi mula menutupi bulan. Gerhana bulan separa bermula pada jam lima sembilan minit (05:09) petang sehingga jam lapan empat puluh sembilan(08:49) malam. Kita akan dapat menyaksikan fenomena bayang bumi menutupi bulan sejurus bulan terbit di ufuk timur pada jam enam lima puluh tujuh (06:57) malam sehingga berakhirnya fasa penumbra pada jam sembilan lima puluh enam(09:56) malam. Maha berkuasa Allah s.w.t yang mentadbir dan mengatur pergerakan makhluknya. Bulan, bumi dan matahari dengan orbit masing masing. Bulan dan bumi berpusing mengelilingi matahari, bulan berpusing mengelilingi bumi. Tidak berlaga antara satu sama lain walaupun saat gerhana berlaku. Gerhana bulan bererti bumi yang berpusing akan berada pada satu garis lurus dan menghalang cahaya matahari sampai ke bulan. Namun ingatlah satu ketika nanti apabila kiamat berlaku semuanya akan berlaga dan merempuh antara satu sama lain. Sungguh menakjubkan, pergerakan bulan, fasa fasa bulan bahkan peristiwa gerhana bulan yang sedang berlaku sekarang adalah menepati kiraan para ulamak dan ilmuwan dalam bidang falak dan astronomi. Benarlah firman Allah s.w.t:



Maksudnya: Matahari dan bulan beredar dengan peraturan dan hitungan yang tertentu (Surah al Rahman:5)

Amat digalakkan kita untuk memerhati dan menghayati fenomena alam yang berlaku dan menyelaminya sebagai satu tanda kebesaran ilahi. Para ulamak bermadah:

فَانظُرْ إِلَىٰ نَفْسِكَ ثُمَّ انْتَقِلْ \* لِلْعَالَمِ الْعُلُوِيِّ ثُمَّ السُّفْلِيِّ

Maksudnya: (untuk buktikan kewujudan Allah s.w.t) maka lihatlah kepada kejadian dirimu kemudian beralih pula \* kepada kejadian alam tinggi (langit) kemudian kejadian alam bawah (bumi).

Alhamdulillah kita telah menyempurnakan solat sunat gerhana bulan sepertimana sabda Nabi s.a.w:

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَا يَخْسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا حَيَاتِهِ فَإِذَا رَأَيْتُمُ ذَلِكَ فَادْعُوا اللَّهَ وَكَبِّرُوا وَتَصَدَّقُوا وَصَلُّوا

Maksudnya: Sesungguhnya matahari dan bulan itu dua tanda daripada tanda-tanda kebesaran Allah s.w.t. Gerhana itu bukan kerana mati atau hidupnya seseorang. Maka apabila kamu melihatnya maka berdoalah, bertakbirlah, bersedekahlah dan tunaikanlah solat gerhana (Riwayat al Bukhari)

Berdasarkan hadis ini, para ulamak berpesan ketika berlakunya gerhana bulan maka ambillah peringatan berikut:

Pertama: Tunaikanlah solat sunat gerhana secara berjemaah di masjid.

Kedua: Perbanyakkan istighfar dan taubat.

Ketiga: Perbanyakkan bersedekah.

Keempat: Jangan terpengaruh dengan perkara khurafat dan tahyul.

Sidang Jemaah Yang Dimuliakan,

Gerhana bulan merupakan satu peringatan daripada Allah s.w.t bahawa Dialah Tuhan yang maha berkuasa yang menentukan segala galanya. Bulan yang dilihat bercahaya dan indah ada ketikanya ia akan gerhana. Apatah lagi tatkala berlakunya kiamat yang mana bulan akan dihimpunkan bersama matahari sebelum hancur dan musnah. Gerhana juga mengingatkan kita kepada sifat syukur. Cahaya pantulan bulan dan cahaya matahari amat berharga buat kehidupan manusia. Tanpa kedua-dua nikmat cahaya tersebut manusia tidak mungkin hidup di atas planet bumi ini. Al Qazwini dalam pemerhatiannya menyatakan bahawa cahaya bulan memberi kesan tertentu kepada kehidupan di bumi. Cahaya bulan yang semakin bertambah (dari awal bulan sehingga purnama) akan menatijahkan fenomena berikut:

1. Mereka yang sakit di awal bulan akan mempunyai antibodi yang lebih kuat untuk melawan penyakit.
2. Susu binatang akan lebih banyak. Telur binatang juga lebih memutih.
3. Ikan di lautan dan sungai akan lebih banyak dan tebal dagingnya.
4. Serangga juga akan keluar lebih banyak.
5. Sengatan binatang lebih berbisa.

6. Binatang karnivor lebih aktif memburu.
7. Tumbuhan juga lebih subur jika ditanam di awal bulan.
8. Buah-buahan dan sayuran seperti timun, tembikai, labu dan lain-lain lebih subur.

Sidang Jemaah Yang Dimuliakan,

Bulan ialah kejadian Allah s.w.t yang indah. Peribahasa Melayu dan Arab mengumpamakan kecantikan dengan bulan. Rasulullah s.a.w diumpamakan seperti bulan purnama dalam ungkapan burdah dan marhaban. Jarak purata bulan daripada bumi ialah 384400 km. Bulan mengelilingi bumi dengan putaran mirip bulatan atau seperti bulatan cengkerang sejauh 2.4 juta km dengan kadar kelajuan 3675 km sesaat. Satu pusingan mengambil masa 29.5 hari. Hal ini membolehkan kita menghitung takwim hijri. Sepanjang putaran bulan mengelilingi bumi, bulan, bumi dan matahari akan berada di atas garisan yang sama. Ini disebut ijtimak. Putaran bulan juga menatijahkan wujudnya fasa bulan. Fasa anak bulan, fasa bulan sabit dan fasa bulan purnama. Dalam al-Quran, perkataan bulan tersebut sebanyak dua puluh tujuh kali dengan pelbagai peristiwa dan fakta yang menzahirkan kebesaran Allah s.w.t dan kebenaran al-Quran. Di zaman sains dan teknologi pada hari ini pelbagai kenyataan al-Quran telah terbukti benar. Al-Quran mengisytiharkan tentang pergerakan bulan yang boleh dihitung, perubahan fasa bulan, bulan yang memantulkan cahaya, Bulan yang berpusing dan lain-lain. Dalam al-Quran juga Allah s.w.t menjelaskan tentang hakikat cahaya bulan dan cahaya matahari. Bulan dan matahari menghiasi langit atmosfera bumi dengan sinaran cahaya yang dipancarkan oleh matahari dan pantulan cahaya oleh bulan. Di zaman Rasulullah s.a.w ketika al-Quran diturunkan tiada yang dapat membuktikan hakikat sebenar cahaya matahari dan cahaya bulan namun, gaya bahasa al-Quran telah membezakan antara cahaya matahari dan cahaya bulan. Al-Quran menggunakan perkataan *ضِيَاءٌ* dan *سِرَاجًا* bagi menjelaskan matahari yang bercahaya dan *نُورًا* bagi menjelaskan bulan yang bercahaya. Al-Quran membezakan antara keduanya bagi menjelaskan fakta penting dalam bidang astronomi. Pada hari ini, di era sains dan teknologi, kita dapat melihat dengan jelas bagaimana matahari mengeluarkan cahaya dan cahaya dari matahari telah dipantulkan oleh bulan untuk ia kelihatan bercahaya. Benarlah firman Allah s.w.t dalam surah Yunus ayat kelima:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ  
 وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

Maksudnya : Dialah yang menjadikan matahari bersinar dan bulan bercahaya dan ditetapkan-Nya manzilah-manzilah (tempat-tempat) bagi perjalanan bulan itu, supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan perhitungan (waktu). Allah tidak menciptakan yang demikian itu melainkan dengan hak. Dia menjelaskan tanda-tanda (kebesarannya) kepada orang-orang yang mengetahui (Surah Yunus : 5)

Mengakhiri khutbah mimbar ingin menarik perhatian muslimin dan muslimat sekalian kepada kesimpulan berikut:

- 1.Perbanyakkan istighfar dan bersedekah ketika berlakunya gerhana bulan pada malam ini.
- 2.Sesungguhnya segala fenomena alam yang berlaku seperti gerhana bulan merupakan tanda kebesaran Allah s.w.t.
- 3.Al Quran mengisyaratkan pelbagai fakta yang berkaitan dengan ilmu astronomi yang telah terbukti benar melalui kenyataan sains dan teknologi pada masa kini.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
 الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
 وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabi'in. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Kekalkanlah persuadaraan sesama muslimin. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ<sup>7</sup> وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ  
قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَتَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Doa untuk kaum muslimin

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا  
خَاصَّةً وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً.

**Ya Rahman Ya Ghaffar**, ampunkanlah dosa dosa kami, dosa kedua ibu bapa kami, dosa guru guru kami, dosa insan yang berjasa kepada kami, dosa muslimin dan muslimat keseleluruhannya.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bukakanlah pintu hati kami untuk beristiqamah dan terus menghayati dan merenung segala fenomena alam yang berlaku sepertimana fenomena gerhana bulan pada malam ini. Jadikanlah kami dari kalangan hambamu yang mendapat petunjuk, taufik dan hidayah dariMu. Hitungkanlah kami dari kalangan hambaMu yang akan mengecapi nikmat rahmat dan syurgaMu

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.